



Salam

Ramadan

#KitaMestiMenang



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah s.w.t kerana atas limpah dan kurnia-Nya, maka kita masih diberikan nikmat kesihatan dan kesejahteraan untuk menyambut kehadiran Ramadan 1441H, bulan yang penuh barakah dan rahmat, dalam keadaan seluruh negara mengharungi ujian wabak Covid-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan Fasa Ketiga sehingga 28 April ini. Kita sewajarnya harus bersyukur kerana kes jangkitan Covid-19 di negara kita semakin berkurangan. Saya berharap seluruh warga kerja MARA akan terus mematuhi arahan PKP serta bersama menyokong barisan hadapan negara untuk meneruskan perjuangan ini. Kita mesti menang...!!

Warga MARA yang dikasihi sekalian,

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah sekali lagi kepada seluruh warga kerja MARA kerana anda semua sentiasa berusaha meneruskan tanggungjawab dan tugas sepanjang PKP ini. Sama ada bekerja dari rumah (BDR) atau ada di antara kita yang diperlukan untuk hadir ke pejabat dengan kebenaran khas, anda semua telah menunjukkan komitmen terbaik dalam melaksanakan setiap tugas. Teruskan sikap positif ini demi menjunjung amanah yang perlu digalas bersama dengan sebaik mungkin.

Sememangnya kita akan melalui perubahan yang besar dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab harian kita sama ada dari aspek keusahawanan, pendidikan mahu pun pelaburan. Kita perlu mengkaji dan melihat ke hadapan, 'envisioning the future', untuk kita sentiasa selangkah di hadapan dalam menangani krisis global ini. Kita perlu meneliti kembali perancangan sedia ada, membuat penilaian semula KPI serta menyusun program mengikut kesesuaian semasa untuk mencapai visi dan misi MARA.

Salam Ramadan
#KitaMestiMenang

Kerajaan telah pun mengumumkan Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE), langkah tambahan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat dan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat khas PKS. Pihak KPLB turut mengarahkan semua agensi untuk mencadang dan merancang pendekatan bersesuaian untuk dilaksanakan di semua peringkat bertepatan dengan pakej-pakej rangsangan ini dan Dasar Pembangunan Luar Bandar (DPLB). Insha Allah, di peringkat pengurusan MARA dan pengurusan semua Pusat Pentadbiran MARA sedang dan akan melakukan penjajaran semula strategi, program dan pelaksanaan untuk memastikan ianya menepati kehendak dan aspirasi rakyat bersesuaian dengan situasi semasa kini.

Warga MARA sekalian,

MARA adalah sebuah amanah rakyat yang perlu dijunjung sebaiknya. Amanah yang dipertanggungjawabkan perlu dilaksanakan sebaik mungkin kerana ia akan dipersoalkan dan dihisab di akhirat kelak. Sewajarnya kita bermuhasabah diri, apatah lagi ketika menjelang Ramadan ini, apakah kita telah melakukan yang terbaik sepanjang melaksanakan amanah ini? Kita perlu refleksi diri untuk memberikan perkhidmatan yang lebih baik lagi.

Kita juga seharusnya bersyukur dalam keadaan ramai rakyat Malaysia yang terjejas pendapatan, menghadapi kemerosotan perniagaan, bahkan ada yang hilang pekerjaan, tetapi kita warga MARA masih lagi diberikan Allah s.w.t nikmat daripada sumber pendapatan bulanan yang kita terima.

Jadikan Ramadan ini sebagai pencetus semangat untuk kita terus memberikan yang terbaik untuk MARA dan negara. Di sinilah kita mencari rezeki, dan di organisasi ini jugalah sebenarnya tempat untuk kita mencari habuan akhirat dengan syarat sentiasa meletakkan niat tulus dan ikhlas kerana Allah s.w.t.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menyeru kepada seluruh warga kerja MARA terus bersama menyumbang dalam usaha kita memerangi Covid-19. Bagi mereka yang menyumbang dalam bentuk penghasilan barangan dan sumbangan kepada barisan hadapan dan mereka yang memerlukan, teruskan usaha anda. Sehingga kini saya difahamkan lebih 64 program bantuan telah dilaksanakan oleh warga, komuniti dan usahawan MARA dengan menghasilkan sejumlah 14,842 set PPE, 10,068 unit *face shields*, 3,022 unit *goggles* dan *face masks*, 407 liter *hand sanitizer* dan 29 unit *aerosol box* untuk kegunaan petugas barisan hadapan negara. Begitu juga sumbangan dalam bentuk keperluan asas harian kepada mereka yang kurang kemampuan serta sokongan emosi turut dilaksanakan oleh komuniti MARA.

Bagi yang tidak mampu menyumbang tenaga dan kemahiran, teruskan menyumbang dan berkongsi rezeki dengan mereka yang memerlukan sama ada melalui tabung khusus untuk menangani pandemik ini atau pun saluran lain. Rebutlah ganjaran berlipat kali ganda di bulan Ramadan dengan memperbanyakkan bersedekah.

Untuk makluman kita bersama, Tabung MARA Prihatin Covid-19 kini telah hampir mencecah RM 63 ribu ringgit. Terima kasih semua, teruskan menyumbang, kita jaga kita.

Warga MARA yang dihormati sekalian,

Negara bahkan dunia keseluruhannya akan menghadapi kesukaran yang sehingga kini tidak dapat kita lihat bila kesudahannya. Kemelesetan ekonomi, ketidaktentuan pasaran, kejatuhan harga minyak, pandemik yang berpanjangan dan pelbagai lagi isu sedang dikaji oleh sarjana ekonomi dan organisasi kajian di seluruh dunia untuk melihat kesan jangka sederhana dan panjang. Mengambil kira ketidaktentuan senario ini, saya ingin berpesan agar seluruh warga MARA untuk berhemah dalam berbelanja serta menggunakan kemudahan moratorium yang diberikan kerajaan untuk membuat simpanan dan pelaburan sewajarnya bagi kegunaan kritikal di masa hadapan.

Ambillah iktibar daripada kisah kegawatan ekonomi di zaman Nabi Yusuf a.s. yang membuat simpanan secukupnya bagi menghadapi kemarau berpanjangan selama 7 tahun. Buatlah perancangan terbaik untuk memastikan tiada antara kita yang terjebak dengan sebarang masalah keberhutangan di masa hadapan. Apatah lagi sebulan lagi kita akan menyambut A'idilfitri, berbelanja dengan sekadarnya mengikut keperluan dan elakkan pembaziran. Kita raikan Ramadan dengan penuh ketakwaan untuk kita nantikan kehadiran Syawal dengan penuh kesyukuran.

Akhir kalam, saya berharap agar semua warga kerja MARA sentiasa patuh kepada PKP dan sentiasa mengamalkan SOP keselamatan, perlindungan diri agar anda dan keluarga terus selamat. Jadilah warga negara yang bertanggungjawab dan patuh kepada arahan keselamatan kerajaan.

Ambillah kesempatan sepanjang Ramadan ini untuk meningkatkan amal soleh dengan harapan di akhir madrasah Ramadan ini kita menjadi insan yang lebih bertaqwa sebagaimana firman Allah s.w.t dalam Surah Al-Baqarah:

Wahai orang beriman, diwajibkan atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang sebelum kami agar kamu bertakwa. (Surah Al-Baqarah ayat 183)

Semoga kita semua sentiasa dirahmati dan dilindungi Allah s.w.t. Selamat menyambut Ramadan Al-Mubarak, bulan rahmat penuh barakah, rebutlah peluang agar ketakwaan kita bertambah. Ramadan Kareem.... Allahu Akram.

Wabillahi taufiq wal hidayah wassalamualaikum wrt. wbt.

Dato' Azhar bin Abdul Manaf
Ketua Pengarah MARA